

UKM tandatangan MOU dengan 15 IPT Indonesia libatkan pelbagai bidang



MOHD. KAMIL YUSUFF

Melaporkan dari JAKARTA, INDONESIA

JAKARTA 20 Nov. - Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) hari ini menandatangani memorandum persefahaman (MoU) dengan Badan Pengkajian dan Penerapan Teknologi (BPPT) dan 15 institusi pengajian tinggi (IPT) di Indonesia meliputi peluang melanjutkan pengajian sarjana dan kedoktoran di universiti itu, selain meningkatkan kepakaran dan modal insan antara pihak-pihak terlibat.

MoU itu yang ditandatangani oleh Naib Canselor UKM, Prof. Datuk Dr. Noor Azlan Ghazali dan rektor-rector serta wakil rektor institusi berkenaan juga akan melibatkan program pertukaran pelajar dan pensyarah, penyelidikan dan penulisan bersama makalah untuk jurnal antarabangsa berimpak tinggi dan pengukuhan kerjasama antara Malaysia dan Indonesia

Majlis menandatangani memorandum tersebut yang diadakan pejabat BPPT di sini, turut disaksikan oleh Duta Besar Malaysia ke Indonesia, Datuk Seri Zahrain Mohamed Hashim dan Ketua BPPT, Dr. Ir. Unggul Prianto.

IPT yang terlibat dengan MoU tersebut ialah Universiti Malikusslah (Unimal), Universiti Sumatera Utara (USU), Universiti Islam Negeri Sumatera Utara (UINSU), Universiti Sriwijaya (Unsri), Universiti Muhammadiyah Sumatera Utara (UMSU), Universiti Medan Area (UMA), Universiti Muslim Nusantara (UMN) Al-Washliyah dan Akademik Teknik Indonesia Cut Meutia (ATICM).

Yang turut menandatangani MoU tersebut ialah Universiti Bung Hatta (UBH), Universiti Putra Indonesia 'YPYK' Padang, Universiti Serang Raya (Unisera), Universiti Mercu Buana (UMB), STIE Bisnis Indonesia (STIEBI), Universiti 17 Agustus 1945 Cirebon dan Universiti Islam Indonesia (UII).

Noor Azlan dalam ucapannya pada majlis itu berkata, kerjasama

UKM yang kini menjangkau usia 45 tahun, setakat ini telah menandatangani 80 kerjasama dalam bentuk perjanjian persefahaman dan pihak kerajaan dan IPT di Indonesia."

DR. NOOR AZLAN GHAZALI
Naib Canselor UKM

antara UKM dengan IPT-IPT di Indonesia bermula sejak awal penubuhan universiti pada 1970 lagi melibatkan perkongsian ilmu, pertukaran tenaga akademik, persidangan forum, diskusi dan sebagainya.

"Malah diperingkat awal penubuhannya, UKM menggunakan khidmat kepakaran tenaga akademik dari Indonesia untuk bersama-sama menyumbang kepada pembangunan beberapa program pengajian di Fakulti Pengajian Islam, Fakulti Sains dan Teknologi, dan Fakulti Perubatan," ujarnya.

Pada sidang akhbar selepas itu, beliau memberitahu, UKM yang kini menjangkau usia 45 tahun, setakat ini telah menandatangani 80 kerjasama dalam bentuk perjanjian persefahaman dan pihak kerajaan dan IPT di Indonesia. Hubungan kerjasama ini diperkukuhkan lagi apabila 13 orang ahli akademik Indonesia berkhidmat di UKM.

Menurutnya, MoU yang ditandatangani hari ini melibatkan empat entiti di UKM iaitu Pusat Siswazah, Fakulti Kejuruteraan dan Alam Bina, Fakulti Pengajian Islam dan Institut Sel Fuel.

"UKM kini menjadi Universiti Penyelidikan atau Research University (RU) yang memberi tumpuan intensif dalam penghasilan penyelidikan yang bermutu tinggi. Ini disusuli dengan penerbitan-penerbitan dan input-input kepada sesuatu politi untuk menyelesaikan masalah bersama," ujarnya. - UTUSAN